


NewspaperSG

Pesilat Singapura tidak sabar mahu turun gelanggang

Berita Harian, 17 September 2011, Page 30

 Article also available on Microfilm Reel NL31619

Printer-Friendly Page

Pesilat Singapura tidak sabar mahu turun gelanggang

SILAT

Oleh : 1 SAFHRAS KHAN

 Scroll to Top

PARA pesilat negara yang kini berada di Kuala Lumpur untuk Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Malaysia tidak sabar mahu turun ke gelanggang untuk mempertahankan mahkota mereka esok.

Singapura merupakan juara bertahan kejohanan tersebut dan bakal berjumpa dengan para pesilat Asia di pusingan final pertandingan di Berjaya Time Square mulai esok hingga Isnin.

Kejohanan anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) itu melibatkan pelajar institusi pengajian tinggi dan berlangsung selama enam hari mulai hari ini.

Selain daripada Singapura, para pesilat dari Thailand dan Indonesia juga dijangka mengambil bahagian di samping pasukan-pasukan negeri dan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Ketika dihubungi, jurulatih mereka, Dzulfadly Mohamed Jaafar, berkata beliau yakin anak buahnya dapat memberi yang terbaik dalam kejohanan tersebut.

“Mereka harus tunggu hingga hari ini untuk masuk ke gelanggang tetapi semangat mereka tinggi dan saya yakin akan kebolehan mereka.

“Saya yakin mereka dapat memberi yang terbaik apabila mereka mula masuk ke gelanggang nanti,” kata Dzulfadly ketika dihubungi melalui panggilan jauh petang semalam.

Dzulfadly telah mengenal pasti Malaysia sebagai pencabar utama Singapura dalam kejohanan tersebut.

safkhan@sph.com.sg

Menurut beliau, kejohanan itu juga merupakan peluang bagi persiapan Singapura ke Sukan SEA yang bakal dipertandingkan di Indonesia pada November ini.

Antara pesilat lelaki negara yang bakal turun gelanggang ialah Herwan Harrywanto dan Mohamad Elyasak Said.

Herwan, yang bakal menemui pesilat dari Thailand atau Malaysia dalam final kelas A, berkata beliau sudah bersedia bagi perlawanannya yang bakal dipertanding Isnin ini.

“Saya tidak pasti siapa yang akan masuk gelanggang bagi menentang saya. Bagaimanapun, saya akan memberi yang terbaik,” ujarnya.

Semangat yang ditunjukkan Herwan turut dikongsi sama rakan sepasukannya, Elyasak.

Elyasak berkata latihan yang dilalui pasukan Singapura adalah mencukupi.

Beliau bakal menemui pesilat dari Malaysia atau Yamen dalam pusingan final kelas G Isnin ini.


“Kami sudah berlatih sejak Julai lalu dan, pada keseluruhannya, kami sudah siap bagi menghadapi kejohanan ini,” katanya.

Di samping 10 pesilat Sukan SEA, Singapura turut menyertakan 13 pesilat pelapis yang berpeluang menimba pengalaman sebagai perseediaan jangka panjang.

Menyentuh para pesilat pelapis itu pula, pengurus pasukan tersebut, Hasizuddin Abdul Razak, berkata:

“Ini merupakan peluang mereka meraih pengalaman. Kami berharap mereka akan memberi yang terbaik dalam kejohanan ini.”





HARAPAN NEGARA: Herwan Harrywanto (*kiri*) dan Mohamed Elyasak Said bakal beraksi dalam Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri Malaysia. – **Foto-foto fail**

- **Foto-foto fail**

^ Scroll to Top